

Ujian Akhir Sesi Akademik

Kertas 1

Masa: 1 jam 30 minit

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian

Sila

100

Bahagian A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.



- 1 Oleh sebab kerosakan rantal, Danish terpaksa _____ basikalnya ketika pulang daripada sekolah.
- A menyeret
 - B mengelek
 - C menuntun
 - D menunggang
- 2 _____ lagu yang didendangkan oleh penyanyi itu sungguh menyentuh perasaan.
- A Bait-bait
 - B Kata-kata
 - C Kata-kata
 - D Frasa-frasa

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3
- I Firaz *menghirup* air kopi yang masih panas itu dengan perlahan-lahan.
 - II Damia gemar bersiar-siar di taman rekreasi sambil *menghirup* udara yang segar.
 - III Nyamuk aedes selalunya *menghirup* darah mangsanya pada waktu siang.
 - IV Tabiat *menghirup* rokok memudaratkan kesihatan dan mencemarkan alam sekitar.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 4
- I Kanang dianugerahi pelbagai pingat oleh pihak kerajaan sebagai *membalas* semua jasa beliau.
 - II Sebelum beredar dari sini, Faizura sempat *membalas* senyuman saya.
 - III Zila belum sempat *membalas* e-mel yang dikirimkan oleh sahabatnya.
 - IV Penduduk kampung sedang bekerjasama *membalas* sawah sejak pagi tadi.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 - 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C, jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Pelakon wanita yang terkenal itu melakon watak sebagai seorang guru yang tegas dan garang.
A melakokkan perwatakan sebagai
B berlakon perwatakan sebagai
C melakokkan watak sebagai
D melukon watak sebagai
- 6 Banyak pihak yang beranggapan bahawa mata pelajaran Sejarah dapat memupuk semangat cinta dengan negara.
A semangat cintakan negara
B semangat cinta akan negara
C semangat cinta untuk negara
D semangat cinta dengan negara

Soalan 7 - 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Kami akan balik di kampung setiap kali hari raya.
II Sementara menanti adiknya bergunting rambut, Laila berjalan ke pasar tani.
III Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu sentiasa bersyukur atas kemajuan negara.
IV "Jangan sentuh apa-apa yang disusun di dalam bilik ini," kata Amrina kepada anaknya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 8 I Sharon menjemput semua rakannya ke majlis perkahwinan kakaknya.
II Doktor Amri akan mengetuai pembedahan bayi kembar siam itu pada pagi esok.
III Pegawai itu menasihati agar mematuhi peraturan kepada pekerja-pekerja binaan di situ.
IV "Sila jangan berbuat bising kerana mensyuarat sedang berlangsung" kata perempuan itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Beberapa orang petani masih membanting padi di tengah-tengah sawah walaupun cuaca panas terik.
A Walaupun cuaca panas terik, masih membanting padi di tengah-tengah sawah beberapa orang petani.
B Sungguhpun membanting padi tengah-tengah sawah, beberapa orang petani masih berpanas terik.
C Sedangkan cuaca panas terik, di tengah-tengah sawah beberapa orang petani masih membanting padi.
D Masih berjemur di bawah cuaca panas terik beberapa orang petani yang masih membanting padi di tengah-tengah sawah.

Sosian 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Pergaduhan antara adik-beradik itu tidak lama kerana mereka berbaik-baik semula beberapa bulan selepas itu.

- 10 Peribahasa yang manakah yang paling tepat dengan berdasarkan pernyataan di atas?
- A Telunjuk lurus, kelengkeng berkair
 - B Tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan
 - C Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
 - D Barat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semuanya

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sosian 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

“Tapai! Tapai! Tapai!”

Jemu benar aku dengan perkataan tapai itu. Sejak kecil aku disogokkan dengan tapai. Sebutlah tapai ubi Wak Salikon, semua orang tahu. Wak Salikon bapa aku. Jika ada orang berkata Wak Salikon Tapai Ubi, seluruh kampung kenal. Itu bapa aku! Kalau orang bertanya Parjo Tapai Ubi, itu aku! Aku dan tapai seolah-olah sebatih dan simonim. Ah, bencinya!

“Parjo, jangan lupa nanti hantar tapai ke pasar!” jerit bapa dengan loghat Jawanya yang pekat. Laungan itu menjadi rutin setiap pagi. Maka aku pun tidak pernah menolak untuk berkhidmat menghantar tapai ubi buatan bapa dan emak ke pasar, ke warung, ke kedai kampung dan ke mana-mana sahaja jika ada tempahan.

Itu sahaja yang aku tahu. Akan tetapi kini aku semakin jemu dengan tapai ubi. Lebih-lebih lagi sejak aku sekolah menengah. Apatah lagi apabila setiap hari aku terpaksa menjinjit karung tapai ke kantin sekolah. Parjo Tapai! Itulah gelaran yang diberikan olout kawan-kawanku yang sama-sama menumpangi bas sekolah. Aku malu dan marah juga padai mulanya. Namun alah bisa tegal biasa. Aku hanya membantu emak dan bapa mencari rezeki.

(Dipetik daripada cerpen “Legasi Tapai Ubi”,
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 11 Mengapakah ‘aku’ jemu dengan panggilan Tapai?
- A Tapai merupakan orang yang dibenci oleh ‘aku’
 - B Sejak kecil ‘aku’ seringkali dikaitkan dengan tapai
 - C ‘Aku’ tidak suka makanan tapai yang merupakan tradisi keluarganya
 - D ‘Aku’ berasa malu kerana perkataan tapai membawa maksud yang buruk
- 12 Pengajaran yang terdapat pada perenggan kedua petikan cerpen di atas ialah
- A jangan sesekali berasa malu dengan nasib keluarga.
 - B seorang anak haruslah berbincang dengan keluarganya seandainya ada masalah.
 - C janganlah menyimpan perasaan kecewa kerana akan mengakibatkan kita rasa tertekan.
 - D seorang anak haruslah sentiasa bersedia untuk membantu kedua-dua orang ibu bapanya.

- 13 Apakah yang dimaksudkan dengan frasa *menjadi rutin*?
- A Belum pasti
 - B Pertama kali
 - C Perkara biasa
 - D Sangat janggal
- 14 Pernyataan di bawah adalah benar tentang cerpen tersebut, **kecuali**
- A tapai ubi telah menjadi legasi Wak Salikon dan diturunkan kepada Parjo.
 - B kantin merupakan antara tempat Parjo meletakkan tapainya untuk dijual.
 - C Parjo menjual tapainya di kawasan perumahan untuk meningkatkan hasil jualan.
 - D Parjo reda dengan cacian kawan-kawannya kerana dia ingin membantu ibu bapanya.
- 15 Apakah peribahasa yang paling sesuai bagi menggambarkan Parjo yang mewarisi bakat berniaga daripada bapanya?
- A Mencurahkan air ke pasir
 - B Belum duduk sudah berlunjur
 - C Ke mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi
 - D Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna